



**NOTIS PEMAKLUMAN
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN
1 SEPTEMBER 2020 – 31 DISEMBER 2020**

PENGOPERASIAN AKTIVITI PERNIAGAAN

KEPADA : SEMUA PEMILIK PREMIS PERNIAGAAN DALAM KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS PERBANDARAN KLUANG

TARIKH : 11 SEPTEMBER 2020

SILA AMBIL MAKLUM bahawa kerajaan telah menguatkauaskan **Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP)** mulai **1 SEPTEMBER 2020 sehingga 31 DISEMBER 2020** sebagai langkah pemulihian semula ekonomi negara di samping meneruskan tindakan kawalan penularan wabak COVID-19 di seluruh negara.

SILA AMBIL PERHATIAN bahawa semua aktiviti di masjid adalah tertakluk kepada kebenaran terhad seperti ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri manakala lain-lain aktiviti keagamaan, sosial dan budaya seperti Rumah Ibadat Bukan Islam adalah tertakluk kepada SOP yang ditetapkan. Senarai bagi semua aktiviti perniagaan yang **TELAH DIBENARKAN BEROPERASI** dan **TIDAK DIBENARKAN BEROPERASI** di sepanjang tempoh **PKPP** adalah seperti berikut:


SENARAI AKTIVITI YANG DIBENARKAN BEROPERASI (KEBENARAN BERSYARAT/TERHAD)

BIL	JENIS PERNIAGAAN/AKTIVITI	WAKTU OPERASI DIBENARKAN
1.	<ul style="list-style-type: none"> a) Hospital & Klinik b) Kedai Farmasi c) Pusat Diagnostik d) Fasiliti Perubatan Tradisional dan komplimentari e) Pusat Jagaan f) Pusat Bersalin g) Pusat Fisioterapi/ Rehabilitasi h) Pusat Dialisis i) Optometri j) Makmal Perubatan k) Klinik Veterinar 	SEPERTI BIASA
2.	<ul style="list-style-type: none"> a) Institusi Perbankan & ATM b) Insurans/ takaful c) Kewangan Pembangunan d) Ejen Perbankan e) Pengantara diluluskan dan berdaftar bagi perkhidmatan kewangan 	
3.	<ul style="list-style-type: none"> a) Pasar Awam milik MPK b) Pasar Awam Persendirian 	

BIL	JENIS PERNIAGAAN/AKTIVITI	WAKTU OPERASI DIBENARKAN
4.	Stesen Minyak bersama <i>Mart</i> /Kedai Serbaneka *Kecuali <i>Mart/Kedai Serbaneka</i> waktu operasi yang dibenarkan adalah pada 7.00 pagi hingga 2.00 pagi sahaja.	SEPERTI BIASA
5.	a) Restoran b) Kedai Makan c) Medan Selera d) Gerai Makan (berbumbung) e) Kiosk f) Gerai Makan milik MPK	7.00 pagi hingga 2.00 pagi
6.	a) Pasar Mini b) Kedai Runcit c) Kedai Serbaneka 24 Jam d) Pemborong Runcit	7.00 pagi hingga 2.00 pagi
7.	a) Kedai Pakaian b) Aksesori Fesyen *Aktiviti mencuba pakaian /fitting tidak dibenarkan	
8.	a) Pajak Gadai & Kredit Komuniti b) Ar-Rahnu Koperasi c) Peminjam Wang Berlesen	7.00 pagi hingga 12.00 malam
9.	a) Kompleks Beli Belah b) <i>Departmental store</i> c) Pasaraya/ Pasaraya Besar d) Farmasi/ Penjagaan diri e) <i>Mini Mart</i> / Kedai Serbaneka *Aktiviti mencuba pakaian /fitting tidak dibenarkan	

BIL	JENIS PERNIAGAAN/AKTIVITI	WAKTU OPERASI DIBENARKAN
10.	<ul style="list-style-type: none"> a) Kedai Perabot b) Kedai Emas c) Kedai Elektrik & Elektronik d) Kedai Buku & Alat Tulis e) Kedai <i>Hardware</i> f) Bengkel Kenderaan (servis biasa/ tayar/ alat ganti/ penyelenggaran) g) Kedai Cuci Kereta h) Kedai menjual makanan haiwan, ubatan dan keperluan berkaitan. i) Kedai Cermin Mata dan Alat Optik j) Kedai Percetakan dan Pengiklanan k) Kedai Servis dan Jual Komputer l) Agensi Nombor Ramalan/4D m) Studio Muzik n) Cybercafe 	 <p>7.00 pagi hingga 12.00 malam</p>
11.	<ul style="list-style-type: none"> a) Perkhidmatan Dobi (perkhidmatan penuh) b) Dobi Layan Diri <ul style="list-style-type: none"> i. Memastikan seorang petugas berada di premis bagi pelaksanaan dan pematuhan SOP ii. Tiada kemudahan wifi kepada pelanggan disediakan dalam tempoh PKPP. iii. Tidak dibenarkan aktiviti melipat baju di premis. 	
12.	<ul style="list-style-type: none"> a) Telekomunikasi & Internet b) Pos dan Kurier c) Penyiaran 	
13.	<ul style="list-style-type: none"> Hotel a) Penginapan b) Restoran <ul style="list-style-type: none"> i. Khidmat restoran (<i>dine in/ take away/ delivery/ room service</i> sahaja manakala <i>buffet</i> tidak dibenarkan). 	SEPERTI BIASA

BIL	JENIS PERNIAGAAN/AKTIVITI	WAKTU OPERASI DIBENARKAN
14.	a) Semua sektor pembuatan b) Semua perkhidmatan ikhtisas dan professional yang menjadi rantaian kepada ekonomi	SEPERTI BIASA
15.	<p>Sukan dan Rekreasi</p> <p>1. Aktiviti sukan dan rekreasi bersentuhan fizikal. Sukan berpasukan dan sukan tempur termasuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Bola sepak ii. Ragbi iii. Bola keranjang iv. Takraw v. Hoki vi. Karate vii. Silat viii. Taekwondo <p>*Pengusaha-pengusaha padang komersil, operator gelanggang futsal, fasiliti sukan dan akademi juga dibenarkan beroperasi semula.</p> <p>2. Penganjuran kejohanan dan pertandingan tempatan untuk sukan tiada bersentuhan fizikal tanpa penonton:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Sukan individu dan sukan permotoran seperti badminton perseorangan, tenis perseorangan, catur dan perlumbaan permotoran. <p>*Pelaksanaan aktiviti sukan dan penganjuran kejohanan perlu diadakan dalam keadaan yang terkawal.</p> <p>3. Penganjuran kejohanan dan pertandingan tempatan untuk sukan bersentuhan fizikal tanpa penonton seperti:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Bola Sepak ii. Ragbi iii. Hoki iv. Sepak Takraw v. Bola Keranjang vi. Skuasy <p>*Untuk keterangan lanjut sila layari: http://www.kbs.gov.my/sopsukanrekreasi</p>	<p>SEPERTI BIASA</p>  <p>SEPERTI BIASA</p> <p>SEPERTI BIASA</p>

BIL	JENIS PERNIAGAAN/AKTIVITI	WAKTU OPERASI DIBENARKAN
16.	<p>Taska</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Meletakkan label penjarakan sosial seperti tanda jarak 1 meter di lantai khususnya diruang makan, ruang tidur dan ruang membasuh. ii. Guru dan kakitangan perlu diberikan latihan langkah-langkah kebersihan dan keselamatan, serta pelaksanaan aktiviti pencegahan penularan COVID 19. iii. Mengisi borang Akuan Pengisyntiharan Kesihatan oleh kanak-kanak, ibubapa/ penjaga dan kakitangan sebelum Taska beroperasi. iv. Kakitangan/ kanak kanak pernah menjadi kontak rapat dengan orang disahkan positif COVID-19 atau baru pulang dari luar negara tidak dibenarkan hadir ke taska dalam tempoh 14 hari. 	 <p>SEPERTI BIASA</p>
17.	Institut Memandu dan Latihan	7.30 pagi hingga 8.30 malam

BIL	JENIS PERNIAGAAN/AKTIVITI	WAKTU OPERASI DIBENARKAN
18.	<p>a) Aktiviti Penjajaan</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Penjaja Tepi Jalan (sementara) ii. Penjaja Bergerak <p>b) <i>Foodtruck</i></p> <p>c) <i>Luton Van</i></p> <p>*Kebenaran terhad hanya kepada pemegang permit penjajaan yang sah dan di dalam kawasan yang dibenarkan sahaja. Kebenaran hanya diberikan bagi perkhidmatan takeaway dan delivery.</p> <p>Senarai kawasan yang tidak dibenarkan bagi aktiviti penjajaan adalah seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Di sepanjang Jalan Penghulu Kassim 2. Di sepanjang Jalan Tembikai 3. Di sekitar Rumah Pangsa Haji Manan 4. Di sepanjang Jalan Utama Paloh - Kg Baru 5. Di sepanjang Jalan Batu Pahat - Mersing 6. Di sepanjang Jalan Intan 2/2 	 <p>SEPERTI BIASA</p>

BIL	JENIS PERNIAGAAN/AKTIVITI	WAKTU OPERASI DIBENARKAN
19.	<p>Kedai Gunting Rambut dan Salun Kecantikan</p> <p>Prosedur Operasi Standard (SOP)</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Pemilik premis perniagaan dan pelanggan diwajibkan menggunakan aplikasi MySejahtera atau Jejak Johor. ii. Pemilik premis perniagaan perlu menjalankan saringan suhu badan pekerja dan pelanggan dan menyediakan alat pesanitasi tangan. iii. Perkhidmatan yang dibenarkan adalah gunting rambut asas, cukur jambang dan misai, solekan dan rawatan rambut, manicure dan pedicure serta cuci dan rawatan muka. Perkhidmatan selain itu tidak dibenarkan. iv. Jarak antara kerusi tukang gunting atau salun kecantikan minimum 2 Meter. v. Pekerja perlu memakai alat pelindung muka, apron pakai buang dan set sarung tangan. Satu set sarung tangan dan pisau cukur hanya digunakan bagi seorang pelanggan sahaja. vi. Pemilik premis perniagaan perlu menjalankan aktiviti nyahkuman atau disinfeksi peralatan dan ruang premis perniagaan pada setiap masa. vii. Pekerja bukan warganegara diwajibkan membuat ujian saringan Covid-19. viii. Tidak dibenarkan berkongsi tuala bagi setiap pelanggan. ix. Pemilik premis perlu menyatakan dengan jelas jumlah pelanggan yang boleh memasuki premis perniagaan pada satu-satu masa bergantung kepada jumlah kerusi di dalam premis perniagaan bagi memastikan pematuhan penjarakan sosial 1 meter. x. Golongan berisiko atau golongan berumur 60 tahun ke atas wajib membuat temujanji sebelum mendapatkan khidmat gunting rambut dan kehadiran adalah tanpa pengunjung lain dari kumpulan umur lain. xi. Kanak-kanak 12 tahun ke bawah yang ingin mendapatkan khidmat gunting rambut perlu hadir bersama ibu atau bapa dengan memakai pelitup muka dan apron pakai buang. Kanak-kanak tidak dibenarkan hadir ke premis salun kecantikan. xii. Pemilik premis perniagaan perlu menampal poster SOP Kedai Gunting dan Salun Kecantikan di setiap pintu masuk atau di ruangan hadapan kedai. xiii. Pemilik premis perniagaan perlu mematuhi pelaksanaan Langkah-Langkah Pencegahan Penularan Wabak Penyakit. Sekiranya pemilik premis gagal mematuhi SOP yang ditetapkan kebenaran yang diberikan akan ditarikbalik. 	7.00 pagi hingga 12.00 malam

BIL	JENIS PERNIAGAAN/AKTIVITI	WAKTU OPERASI DIBENARKAN
20.	<p>Pasar Pagi/Pasar Tani/Pasar Malam/Bazar Karat</p> <p>Prosedur Operasi Standard (SOP)</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Hanya warganegara Malaysia yang memiliki lesen perniagaan yang sah dibenarkan bekerja dan menjalankan aktiviti perniagaan. ii. Peniaga di setiap pasar atau bazar perlu menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Bersama dengan melantik seorang ketua dan minimum 4 orang ahli jawatankuasa untuk menyelaras pengurusan pematuhan SOP dan sekiranya diperlukan membuat jadual penggiliran peniaga. iii. Peniaga perlu memakai pakaian pelindungan diri, sarung tangan dan pelitup muka ketika menjalankan perniagaan. iv. Peniaga perlu memastikan jarak di antara gerai ke gerai minimum 2 meter. v. Lokasi kawasan perlu terbuka dan berpagar (tali merah putih/kuning) bagi mengawal laluan keluar masuk secara sehala. vi. Peniaga dan pengunjung dijwajibkan menggunakan aplikasi MySejahtera atau Jejak Johor. vii. Jawatankuasa Pengurusan Bersama perlu memastikan pemeriksaan suhu badan dan pesanitasi tangan disediakan di pintu masuk. viii. Jawatankuasa Pengurusan Bersama perlu memastikan jumlah maksimum pengunjung yang telah ditetapkan dipatuhi melalui sistem nombor giliran. ix. Peniaga makanan hanya dibenarkan menjual makanan secara bawa pulang (takeaway). x. Warga emas, kanak-kanak dan golongan berisiko tinggi tidak digalakkan berada di dalam kawasan pasar.. xi. Satu keluarga dibenarkan hadir dengan jumlah maksimum 3 orang pada satu masa. Walau bagaimanapun, kehadiran satu orang bagi satu keluarga adalah sangat digalakkan. xii. Jawatankuasa Pengurusan Bersama dan setiap peniaga perlu memastikan SOP yang ditetapkan dipatuhi pada setiap masa. Kegagalan mematuhi SOP yang ditetapkan boleh menyebabkan kebenaran menjalankan perniagaan ditarikbalik. 	<p>Pasar Pagi 6.00 pagi hingga 11.00 pagi</p> <p>Pasar Tani (Seperti Waktu Yang Diluluskan)</p> <p>Pasar Tani (Taman Makmur) 4.00 petang hingga 7.00 malam</p> <p>Pasar Malam 4.00 petang hingga 10.00 malam</p> <p>Bazar Karat (Tidak Dibenarkan Beroperasi)</p>

BIL	JENIS PERNIAGAAN/AKTIVITI	WAKTU OPERASI DIBENARKAN
21.	<p>Taman Tema/Taman Tema Air</p> <p>*Aktiviti Di Kolam Renang</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Melibatkan kolam renang awam, hotel, kondominium, kawasan berpagar serta persendirian. ii. Perlu sediakan penyelamat, pemantau atau penyelia iii. Kanak-kanak tidak digalakkan menggunakan kolam renang. iv. Pengurusan perlu membuat pendaftaran notifikasi pembukaan dengan MITI secara dalam talian dan melaporkan pada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). v. Aktiviti melibatkan air seperti di laut, tasik dan sungai juga dibenarkan kembali beroperasi. 	 <p>SEPERTI BIASA</p>
22.	<p>Aktiviti Pawagam/Teater/Acara Langsung</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Hanya di dewan tertutup. ii. Mengikut kapasiti dewan dan tidak melebihi 250 individu. 	<p>SEPERTI BIASA</p>

BIL	JENIS PERNIAGAAN/AKTIVITI	WAKTU OPERASI DIBENARKAN
23.	<p>Penganjuran Mesyuarat/Persidangan/Seminar/Kursus</p> <p>i. Kaunter saringan kesihatan hendaklah diwujudkan di pintu masuk bertujuan memastikan bilangan kehadiran, membuat saringan suhu badan, saringan gejala batuk, sakit tekak, selsema dan sesak nafas. Peserta dengan suhu badan melebihi 37.5 celcius atau bergejala tidak dibenarkan masuk.</p> <p>ii. Penganjur urusetia dan penceramah juga perlu menjalani saringan kesihatan.</p> <p>iii. Petugas di kaunter saringan perlu memastikan para peserta membersihkan tangan menggunakan pesanitasi tangan (<i>hand sanitizer</i>) dan merekodkan kehadiran peserta.</p> <p>iv. Semasa para peserta menunggu giliran di kaunter saringan, penjarakan sosial 1 meter mesti dipatuhi.</p> <p>v. Jawatankuasa penganjur, urusetia, penceramah dan peserta digalakkan memakai pelitup muka (face mask).</p> <p>vi. Mengawal pintu masuk dan kehadiran peserta ke dalam ruang persidangan.</p> <p>vii. Jumlah peserta tidak melebihi 250 orang atau kurang tertakluk kepada keluasan ruang.</p> <p>viii. Semua penganjur mesti mendaftarkan peserta menggunakan QR code melalui Mysejahtera atau pendaftaran secara manual sekiranya peserta tidak mempunyai telefon pintar.</p> <p>ix. Melakukan pembersihan ruang dan kawasan sekitarnya termasuk tandas dan semua ruang sebelum dan selepas penganjuran program serta nyah kuman sebelum dan selepas.</p> <p>x. Memastikan tempat penganjuran mempunyai sistem pengudaraan yang baik.</p> <p>xi. Menyusun dan menanda kedudukan peserta di dalam ruang persidangan. Penjarakan sosial 1 meter antara susunan tempat duduk.</p> <p>xii. Sebarang penyediaan atau pemberian makanan adalah secara pack food dan makan dalam kedudukan penjarakan 1 meter serta tidak berkumpul semasa makan.</p> <p>xiii. Penggunaan tandas perlu dihadkan mengikut jumlah tandas pada satu-satu masa.</p>	SEPERTI BIASA

BIL	JENIS PERNIAGAAN/AKTIVITI	WAKTU OPERASI DIBENARKAN
24.	<p>Kenduri/Majlis Perkahwinan/Pertunangan/Majlis Aqiqah Doa Selamat/Tahlil/Sambutan Ulangtahun/Hari Jadi Majlis Reunion/Lain-lain Majlis Sosial</p> <p>i. Menetapkan dan menandakan secara jelas laluan keluar dan masuk tetamu terutamanya bagi penganjuran majlis di tempat terbuka terutama dalam suasana kampung atau rumah persendirian.</p> <p>ii. Kaunter saringan kesihatan hendaklah diwujudkan di pintu masuk bertujuan memastikan bilangan kehadiran, membuat pemeriksaan suhu badan, saringan gejala batuk, sakit tekak, selsema dan sesak nafas. Tetamu dengan suhu badan melebihi 37.5 celcius atau gejala tidak dibenarkan masuk.</p> <p>iii. Penganjur/petugas/pramusaji (waiter),jurufoto juga perlu menjalani saringan kesihatan dan tidak bergejala.</p> <p>iv. Penganjur perlu merekodkan kehadiran tetamu dan memastikan para tetamu membersihkan tangan menggunakan pesanitasi tangan (hand sanitizer).</p> <p>v. Semasa para tetamu menunggu giliran di kaunter saringan, penjarakan sosial 1 meter mesti dipatuhi.</p> <p>vi. Penganjur dan tetamu digalakkan memakai pelitup muka (face mask).</p> <p>vii. Mengawal pintu masuk dan kehadiran peserta yang masuk ke dalam ruang majlis.</p> <p>viii. Semua penganjur majlis mesti mendaftarkan tetamu untuk simpanan dan rekod sekiranya berlaku kes jangkitan. Digalakkan menggunakan imbasan QR code melalui aplikasi Mysejahtera atau Jejak Johor.</p> <p>ix. Kehadiran tetamu hendaklah tidak melebihi 250 orang atau kurang, tertakluk kepada saiz keluasan ruang dan penjarakan sosial.</p> <p>x. Kehadiran tetamu dari kalangan bayi dan kanak-kanak tidak digalakkan.</p> <p>xi. Melakukan pembersihan dan disinfeksi mengikut garis panduan KKM sebelum dan selepas majlis di seluruh kawasan luar dan dalam dewan, kerusi dan meja tetamu, meja hadiah (doorgift table), alatan catering, pelamin pengantin, tandas dan mana-mana kawasan, permukaan atau alatan/barangan yang kerap disentuh.</p> <p>xii. Memastikan tempat penganjuran majlis mempunyai pengudaraan yang baik.</p> <p>xiii. Susunan antara meja makan dengan jarak 2 meter. Penjarakan sosial sekurang-kurangnya 1 meter bagi kerusi di meja.</p>	SEPERTI BIASA

BIL	JENIS PERNIAGAAN/AKTIVITI	WAKTU OPERASI DIBENARKAN
	<p>xiv. Sebarang penyediaan makanan adalah samada secara hidang (served), dome setting atau buffet yang disediakan oleh pramusaji yang ditetapkan untuk mencedok makanan ke pinggan tetamu atau secara pack-food.</p> <p>xv. Pramusaji/petugas mesti memakai pelitup muka sesama menghidangkan makanan.</p> <p>xvi. Sesi fotografi dengan penjarakkan sosial pada satu-satu masa dan dikendalikan oleh individu yang ditetapkan oleh pengajur/pengantin/pengurusan dewan.</p> <p>xvii. Penyediaan seorang petugas bagi mengawal aliran tetamu semasa sesi fotografi.</p> <p>xviii. Tempoh masa penganjuran hanya 3 hingga 5 jam sahaja.</p>	
25.	<p>Spa, <i>Wellness</i> dan Pusat Urut Kaki</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Semua pemilik premis perniagaan perlu mendaftar dengan pihak MPK sebelum memulakan semula operasi perniagaan fasa PKPP. ii. Pekerja warga asing wajib menjalani ujian saringan Covid – 19, dan hanya mereka yang berkeputusan negatif sahaja dibenarkan menjalankan tugas. iii. Sila patuhi SOP yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM seperti pendaftaran pengunjung, pemeriksaan suhu badan, pemakaian pelitup muka dan penyediaan pesanitasi tangan. <p>*Sila rujuk SOP pembukaan semula SPA, <i>Wellness</i> dan Pusat Urut Kaki di laman sesawang Majlis Keselamatan Negara (MKN) di https://www.mkn.gov.my</p>	7.00 pagi hingga 12.00 malam
26	<p>Prasekolah/Tabika/Tadika</p> <p>*Sila patuhi SOP yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara/Kementerian Kesihatan Malaysia/Kementerian Pendidikan Malaysia.</p>	SEPERTI BIASA


BIL	JENIS PERNIAGAAN/AKTIVITI	WAKTU OPERASI DIBENARKAN
27.	<p>Pusat Tuisyen</p> <p>*Sila patuhi SOP yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara/Kementerian Kesihatan Malaysia/Kementerian Pendidikan Malaysia.</p>	SEPERTI BIASA
28.	<p>Pusat Hiburan Keluarga/Arked Permainan/Pusat Karaoke Keluarga</p> <p>i. Perlu mematuhi SOP yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM seperti pendaftaran pengunjung, pemeriksaan suhu badan, pemakaian pelitup muka dan penyediaan pesanitasi tangan.</p>	7.00 pagi hingga 12.00 malam

SENARAI AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN BEROPERASI

BIL	JENIS PERNIAGAAN/ AKTIVITI	WAKTU OPERASI DIBENARKAN
1.	Kelab Malam/ Pub /Lounge *Kecuali perniagaan restoran atau kedai makan di dalam Pub dan Kelab Malam tertakluk dengan waktu operasi dibenarkan bermula 7.00 pagi hingga 12.00 malam.	
2.	Acara dan pertandingan sukan dengan kehadiran penonton, dan acara dan pertandingan sukan yang melibatkan peserta dari luar negeri memasuki Malaysia	TIDAK DIBENARKAN BEROPERASI
3.	Segala aktiviti yang boleh menyebabkan ramai orang hadir di suatu tempat sehingga menyukarkan penjarakan sosial serta pematuhan SOP	

Langkah-Langkah Pencegahan Penularan Wabak Penyakit:

- i. Semua pemilik/pengusaha premis diminta mengikuti **Langkah-Langkah Kerja Pembersihan (Disinfeksi) menggunakan cecair pencuci dan peluntur nyahkuman yang selaras dengan tatacara yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)** pada mana mana permukaan yang bersentuhan serta alatan yang diguna sama oleh orang ramai terutamanya troli, bakul barang, tombol pintu, kaunter bayaran, eskalator, *nozzle pump*, dan sebagainya secara kerap atau sebaik baiknya pada setiap kali digunakan.
- ii. **Langkah-Langkah Kerja Pembersihan (Disinfeksi) hendaklah dilaksanakan 2 atau 3 kali sehari** dalam tempoh operasi terutamanya di kawasan umum atau guna sama seperti lantai, lobi, lif, surau, tandas, stor, pejabat, kaunter, cafeteria/kantin, bilik mesyuarat, dewan serbaguna dan lain lain.
- iii. Semua pemilik/ pengusaha premis perniagaan atau kilang perlu **membuat pemeriksaan suhu badan semua pekerja** yang hadir bekerja pada awal waktu masuk bekerja serta merekodkan kehadiran dan bacaan suhu pekerja setiap hari (maksima 37.5)
- iv. Majikan **digalakkan untuk memastikan** semua pekerja memakai pelitup muka (*face mask*)
- v. Majikan **digalakkan untuk menjalankan ujian saringan COVID-19 terhadap pekerja asing.** Keutamaan adalah bagi sektor pembinaan dan sektor kawalan keselamatan.
- vi. Semua pemilik/pengusaha premis perniagaan dikehendaki **untuk merekodkan kehadiran dan menyediakan thermal termometer** bagi memeriksa suhu badan pelanggan (maksima 37.5)
- vii. Pemilik/pengusaha **diminta menyediakan pesanitasi tangan (hand sanitizer)** berdasarkan alkohol atau menyediakan kawasan mencuci tangan dengan sabun untuk kegunaan pekerja dan pelanggan.
- viii. **Memastikan pelaksanaan penjarakan sosial minimum 1 meter** atau lebih di antara satu sama lain samaada pekerja atau pelanggan
- ix. **Penggunaan penandaan penjarakan sosial dilantai dan kerusi ruangan menunggu** terutamanya di kawasan sesak seperti di kaunter bayaran, ruang menunggu/ beratur bagi memastikan jarak selamat minimum 1 meter.

- 
- x. Pemilik/ pengusaha premis makanan **perlu menyatakan dengan jelas jumlah pelanggan yang dibenarkan** pada satu masa untuk mematuhi penjarakan sosial. Susun atur meja, **dengan jarak 2 meter** antara meja.
 - xi. Menggalakkan penggunaan peralatan makanan jenis pakai buang *biodegradable*.
 - xii. **Menggalakkan kaedah pembayaran tanpa wang tunai** atau *cash/less* (*e-wallet*, kad kredit dan lain lain) bagi premis yang mempunyai kemudahan ini terutamanya pasaraya mini, kedai runcit dan kedai serbaneka.
 - xiii. Syarikat **perlu mewujudkan Jawatankuasa Tindak Balas Menangani COVID-19** bagi penyediaan dan pelaksanaan tatacara mengurus kes-kes jangkitan COVID-19.
 - xiv. **Menggalakkan sistem temujanji secara dalam talian/online** terhadap pelanggan yang ingin berurusan di premis dan juga sistem pesanan serta penghantaran secara dalam talian bagi mengelakkan kesesakan atau orang ramai berkumpul dalam satu lokasi yang sama dalam tempoh yang panjang.
 - xv. Melaksanakan lain-lain arahan dan tatacara operasi bagi setiap sektor yang dibenarkan dalam tempoh PKPP berdasarkan panduan yang telah dikeluarkan oleh MKN.
 - xvi. Melaksanakan langkah-langkah pencegahan penularan wabak penyakit lain yang sesuai mengikut panduan dan saranan oleh KKM dari semasa ke semasa.

Pemilik/pengusaha premis perniagaan diminta untuk mematuhi perintah ini mulai **11 September 2020 sehingga 31 Disember 2020** dengan peruntukan bidangkuasa Majlis Perbandaran Kluang di bawah Seksyen **72(1)(f), Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)**.

Terima kasih.

Dengan Perintah

**Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Kluang**